



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

GARIS PANDUAN

PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

EDISI 2025

**Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti**

Hak cipta terpelihara.

Garis panduan ini merupakan dokumen rasmi yang diterbitkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital yang dibangunkan untuk kegunaan sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti sahaja. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disiarkan dalam apa jua bentuk, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau seumpamanya, tanpa mendapat keizinan daripada Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi. Pengedaran dan penggunaan di luar sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti hanya boleh dilakukan dengan mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Kementerian Pendidikan Tinggi,
Aras 6, Galeria PJH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-88882933

<http://mypolycc.edu.my>

PRAKATA

Alhamdulillah, setinggi-tingginya syukur dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, **Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2025** ini berjaya diterbitkan.

Garis panduan ini disediakan sebagai sumber rujukan kepada semua pegawai pengurusan akademik dan pensyarah dalam melaksanakan proses pemantauan PdP dan PdP Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Pelaksanaan pemantauan PdP dan PdP PSH ini juga seharusnya dilihat oleh pensyarah sebagai salah satu kaedah penilaian sendiri agar proses PdP sentiasa ditambahbaik untuk memastikan kesesuaian dengan suasana pembelajaran generasi pelajar dan peserta PSH masa kini, sekaligus melahirkan graduan dan ahli masyarakat yang berkualiti.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pembangunan Garis Panduan Pemantauan PdP Politeknik dan Kolej Komuniti atas sumbangan besar mereka dalam menyediakan garis panduan ini. Semoga ia dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pihak yang berkenaan di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JANUARI 2025**

ISI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
	SENARAI SINGKATAN	4
	GLOSARI	5
1	PENDAHULUAN	13
2	OBJEKTIF PEMANTAUAN PdP	14
3	SKOP PEMANTAUAN PdP	15
4	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	15
	4.1 Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah	
	4.2 Ketua Jabatan/Ketua Jabatan Akademik /Ketua Program/Ketua Kursus/Ketua Unit	
	4.3 Pegawai Pemantau (PP)	
	4.4 Pegawai Yang Dipantau (PYP)	
	4.5 Penyelaras Pemantauan PdP Jabatan (Politeknik sahaja)	
	4.6 Penyelaras Pemantauan PdP Institusi	
5	KRITERIA PEGAWAI PEMANTAU (PP)	18
6	KRITERIA PEGAWAI YANG DIPANTAU (PYP)	18
7	KEPERLUAN UTAMA PEMANTAUAN PdP	19
8	PROSEDUR PELAKSANAAN PEMANTAUAN PdP	20
	8.1 Fasa 1: Pra Pemantauan PdP	
	8.2 Fasa 2: Semasa Pemantauan PdP	
	8.3 Fasa 3 : Pasca Pemantauan PdP	
9	CARTA ALIR PELAKSANAAN PEMANTAUAN PdP	25
10	PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN	26
11	RUJUKAN	26
12	SENARAI LAMPIRAN	28

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
BIPD	Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i> (Penambahbaikan Kualiti Berterusan)
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
TPA	Timbalan Pengarah Akademik
TP	Timbalan Pengarah
KJ	Ketua Jabatan
KJA	Ketua Jabatan Akademik
KPro	Ketua Program
KK	Ketua Kursus
KU	Ketua Unit
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i> (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PI	Penyelaras Pemantauan PdP Institusi
PJ	Penyelaras Pemantauan PdP Jabatan (Politeknik sahaja)
PP	Pegawai Pemantau
PYP	Pensyarah Yang Dipantau
FRP	Fail Rekod Pensyarah
FPK	Fail Penyelaras Kursus
RMP	Rancangan Mengajar Pemantauan
WBL	<i>Work-Based Learning</i>

GLOSARI

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

BBM merujuk kepada segala kelengkapan atau alat yang digunakan oleh pensyarah untuk membantu dan menyokong penyampaian pembelajaran dan pengajaran. BBM ini melibatkan pelbagai jenis bahan atau peralatan yang dapat merangsang deria pelajar, termasuk yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikirakan, dirasai, atau dihidu, yang semuanya bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran.

Fail Rekod Pensyarah (FRP)

Fail Rekod Pensyarah (FRP) merujuk kepada fail yang disediakan oleh pensyarah untuk menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran. Rekod-rekod ini boleh disimpan dalam bentuk fizikal (seperti dokumen bercetak) atau digital (seperti fail elektronik atau dalam sistem pengurusan pembelajaran).

Fail Penyelaras Kursus (FPK)

Fail Penyelaras Kursus (FPK) merujuk kepada fail yang disediakan oleh penyelaras kursus untuk menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan penyelarasan perancangan, pelaksanaan, dan penilaian aktiviti proses pembelajaran dan pengajaran bagi kursus yang diuruskan. Fail ini boleh mengandungi dokumen dalam bentuk fizikal (seperti rekod bertulis) atau digital (seperti fail elektronik atau data dalam sistem pengurusan kursus).

Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*)

Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*) merujuk kepada pernyataan yang jelas mengenai pengetahuan, pemahaman, dan kemahiran yang seharusnya dicapai oleh pelajar setelah menyelesaikan suatu tempoh pengajian atau kursus. Hasil pembelajaran menggambarkan apa yang pelajar harus tahu, faham, dan boleh lakukan selepas mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran.

GLOSARI

Hasil Pembelajaran Modul

Hasil Pembelajaran Modul merujuk kepada pernyataan yang jelas mengenai apa yang pelajar perlu capai selepas mengikuti sesuatu modul pembelajaran. Hasil pembelajaran modul ini adalah berfokus pada pengetahuan, kemahiran, atau kompetensi yang seharusnya dikuasai oleh pelajar selepas selesai mengikuti modul tertentu dalam kursus.

Interaktif

Interaktif merujuk kepada kaedah interaksi yang berlaku secara digital, di mana pelajar dan pensyarah berkomunikasi dan berinteraksi melalui platform atau teknologi dalam proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Konsep interaktif ini adalah alternatif moden yang menggabungkan teknologi terkini untuk menyokong proses PdP, sejajar dengan perkembangan teknologi abad ke-21.

Kompetensi

Kompetensi merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab dengan berkesan dan efisien. Ia bukan sahaja melibatkan aspek pengetahuan atau teknikal tetapi juga meliputi kemahiran interpersonal, etika kerja, dan kelakuan profesional yang menyokong prestasi kerja.

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merujuk kepada proses yang melibatkan dua elemen utama, iaitu penyampaian ilmu oleh pensyarah dan penerimaan ilmu oleh pelajar atau peserta PSH, di samping interaksi aktif antara kedua-duanya. Proses ini bertujuan untuk membantu pelajar atau peserta PSH memperoleh dan menguasai ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diajarkan melalui pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran.

GLOSARI

Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT)

PdPDT merujuk kepada proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan sepenuhnya melalui platform digital atau internet. Ia melibatkan penggunaan teknologi seperti aplikasi pembelajaran dalam talian, laman web, video, forum, dan alat komunikasi lain untuk menyampaikan bahan pengajaran dan menjalankan aktiviti pembelajaran.

Pensyarah PSH

Pensyarah PSH merujuk kepada tenaga pengajar di kolej komuniti yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk melaksanakan dan mengurus proses Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Pensyarah PSH bertanggungjawab dalam menyampaikan pengajaran, menyediakan bahan pembelajaran, dan menguruskan keseluruhan aktiviti pembelajaran yang melibatkan peserta program PSH, yang biasanya melibatkan individu dewasa atau komuniti yang ingin meningkatkan kemahiran atau pengetahuan mereka sepanjang hayat.

Peserta PSH

Peserta PSH merujuk kepada ahli komuniti yang menyertai program atau kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Peserta PSH ini terdiri daripada pelbagai golongan, termasuk mereka yang ingin meningkatkan kemahiran atau pengetahuan secara berterusan sepanjang hayat. Golongan yang terlibat dalam program ini boleh merangkumi belia, golongan B40, warga emas, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), orang asli, pelajar, industri, agensi dan badan bukan kerajaan.

GLOSARI

Pegawai Yang Dipantau (PYP)

Pegawai Yang Dipantau (PYP) merujuk kepada pensyarah yang sedang dicerap atau diperhatikan oleh pegawai pemantau dalam proses pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Pegawai ini bertanggungjawab untuk menjalankan tugas pengajaran di dalam bilik kuliah atau makmal, dan pemantauan dilakukan untuk menilai keberkesanan serta kualiti pengajaran yang dilaksanakan. Pemantauan ini bertujuan untuk memberi maklum balas yang konstruktif dan membantu pensyarah meningkatkan kualiti PdP mereka.

Pegawai Pemantau (PP)

Pegawai Pemantau (PP) merujuk kepada pegawai yang dilantik oleh Pengarah/TPA/TP/KJ/KJA (Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Jabatan Akademik) untuk melaksanakan proses pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta PdP Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Tugas utama PP adalah untuk memantau, mencerap, dan menilai proses pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah, serta memberikan maklum balas yang konstruktif untuk peningkatan kualiti PdP.

Penyelaras Pemantauan PdP Institusi

Penyelaras Pemantauan PdP Institusi (PI) adalah pegawai yang dilantik oleh Pengarah/TPA/TP untuk menyelaraskan dan menguruskan proses pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Tugas utama PI adalah untuk memastikan bahawa proses pemantauan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan, serta memastikan pematuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

GLOSARI

Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement*)

Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) adalah proses yang dilaksanakan secara berterusan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti dalam sesuatu perkara atau amalan. Ia melibatkan usaha untuk mengenal pasti, menilai, dan memperbaiki aspek-aspek yang boleh ditambah baik, dengan mengambil kira semua faktor penyumbang yang boleh mempengaruhi hasil atau proses tersebut. Proses CQI ini melibatkan perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan penambahbaikan. Ia dilakukan secara berulang untuk memastikan peningkatan kualiti yang berterusan.

Pra Pemantauan PdP

Pra Pemantauan PdP merujuk kepada proses yang berlangsung sebelum pelaksanaan pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang sebenar. Ia melibatkan perbincangan awal antara pegawai pemantau dan pensyarah yang dipantau untuk memastikan persediaan yang baik dan kelancaran dalam proses pemantauan. Tujuan utama pra pemantauan PdP adalah untuk menetapkan harapan, sasaran, dan kriteria yang jelas sebelum pemantauan dilaksanakan.

Pemantauan PdP

Pemantauan PdP merujuk kepada proses pencerapan yang dijalankan oleh pegawai pemantau terhadap pensyarah yang melaksanakan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) di dalam kelas atau makmal. Selain itu, ia juga melibatkan penilaian oleh pelajar atau peserta PSH terhadap keberkesanan pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah yang dipantau. Pemantauan PdP bertujuan untuk menilai kualiti pengajaran, memberikan maklum balas yang membina, serta mengenalpasti sebarang ruang untuk penambahbaikan dalam proses PdP.

GLOSARI

Pasca Pemantauan PdP

Pasca Pemantauan PdP merujuk kepada proses yang dijalankan setelah pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) selesai dilaksanakan. Ia melibatkan perbincangan antara pegawai pemantau dan pensyarah yang dipantau berkaitan dapatan pemantauan yang telah dilakukan, termasuk penilaian oleh pelajar atau peserta PSH. Proses ini bertujuan untuk menganalisis dan memberi maklum balas mengenai hasil pemantauan serta merancang langkah-langkah untuk penambahbaikan dalam PdP.

Program Pengajian

Program Pengajian merujuk kepada susunan atau struktur kursus yang dirancang dan dilaksanakan dalam suatu tempoh tertentu di peringkat pembelajaran. Program pengajian ini bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dan biasanya diatur supaya pelajar atau peserta PSH memperoleh kelayakan tertentu.

Penilaian Formatif

Penilaian Formatif adalah penilaian yang dilakukan secara berterusan sepanjang kursus atau proses pembelajaran untuk memantau kemajuan pelajar atau peserta PSH. Tujuan utama penilaian ini adalah untuk memberikan maklum balas segera kepada pelajar atau peserta PSH mengenai prestasi mereka, serta untuk membantu memperbaiki pemahaman dan kemahiran mereka semasa pembelajaran berlangsung bukan hanya menilai prestasi akhir.

Penilaian Peserta PSH

Penilaian Peserta PSH merujuk kepada penilaian yang perlu diisi oleh peserta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selepas mereka menyelesaikan kursus yang diikuti. Penilaian ini dilakukan melalui pengisian e-Borang dalam Sistem ePSH.

GLOSARI

Rangka Kursus (*Course Outline*)

Rangka Kursus (*Course Outline*, CO) merujuk kepada dokumen rasmi yang menyediakan maklumat asas mengenai struktur dan kandungan sesuatu kursus. CO berfungsi sebagai panduan yang diberikan kepada pelajar atau peserta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk memberi mereka gambaran keseluruhan tentang kursus yang mereka ikuti sepanjang satu semester. Ia mengandungi perancangan dan butiran penting yang akan membantu pelajar memahami objektif, topik, serta kaedah penilaian yang akan digunakan dalam kursus tersebut.

Ringkasan Kursus

Ringkasan Kursus adalah dokumen yang disediakan oleh pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang mengandungi maklumat ringkas dan penting mengenai kursus yang ditawarkan. Dokumen ini bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang kursus, termasuk butiran utama yang membantu pelajar atau peserta PSH memahami struktur dan perancangan kursus yang mereka ikuti. Elemen utama dalam ringkasan kursus adalah nama kursus, sinopsis kursus, jam pembelajaran, pecahan modul, jam mengajar setiap modul, hasil pembelajaran kursus, kredit dan jenis pentaksiran.

Rancangan Mengajar (RM)

Rancangan Mengajar (RM) merujuk kepada rangka kerja yang disediakan oleh pensyarah untuk merancang aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang akan dijalankan dalam bilik kuliah atau makmal bagi satu jangka masa tertentu. Rancangan ini adalah penting untuk memastikan setiap sesi pengajaran dilaksanakan dengan teratur, sistematik, dan memenuhi objektif pembelajaran yang ditetapkan.

GLOSARI

Rancangan Mengajar Pemantauan (RMP)

Rancangan Mengajar Pemantauan (RMP) merujuk kepada rangka kerja yang disediakan oleh pensyarah untuk aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) di dalam bilik kuliah atau makmal yang akan dipantau. RMP ini bertujuan untuk memastikan proses pemantauan PdP dijalankan dengan berkesan dan dapat menilai keberkesanan serta kualiti PdP yang dilaksanakan.

Refleksi

Refleksi adalah proses merenung dan menganalisis pengalaman atau tindakan yang telah dilakukan. Refleksi membolehkan pensyarah untuk menilai keberkesanan pengajaran mereka dan mengambil tindakan penambahbaikan agar pengajaran lebih berkesan.

Silabus Modul

Silabus Modul adalah dokumen terperinci yang disediakan oleh pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk menjadi panduan kepada peserta yang telah mendaftar dan akan mengikuti kursus tertentu. Silabus Modul mengandungi nama kursus, kod modul, sinopsis modul, hasil pembelajaran modul, jumlah jam, kandungan kursus, dan keperluan kursus (peralatan / bahan).


Set Induksi

Set Induksi merujuk kepada bahagian permulaan dalam proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang bertujuan untuk membina aliran fikiran serta menimbulkan minat pelajar-pelajar supaya mereka dapat memusatkan perhatian terhadap isi pelajaran yang akan disampaikan. Set induksi biasanya digunakan untuk menarik minat pelajar, memotivasi mereka, serta menyediakan konteks bagi topik yang akan dipelajari.

1.0 PENDAHULUAN

Proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam memastikan kecemerlangan akademik pelajar. Oleh itu, untuk menjamin kualiti pendidikan yang diberikan, pemantauan PdP dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan PdP selaras dengan keperluan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Justeru itu, satu garis panduan telah dibangunkan sebagai panduan untuk proses pemantauan PdP dan PdP PSH di politeknik dan kolej komuniti. Garis panduan ini merangkumi pencerapan pensyarah oleh pegawai pemantau serta penilaian pelajar atau peserta PSH terhadap pelaksanaan PdP pensyarah. Berikut adalah domain bagi pencerapan pensyarah dan pensyarah PSH oleh pegawai pemantau.



Pencerapan pensyarah oleh pegawai pemantau merangkumi 5 domain, manakala pencerapan pensyarah PSH oleh pegawai pemantau merangkumi 4 domain. Pelaksanaan pemantauan PdP ini dapat mengukur keberkesanan kaedah penyampaian PdP oleh pensyarah. Hasil pemantauan PdP dan PdP PSH akan dianalisis dan dilaporkan kepada pihak Pengurusan Akademik Institusi dan JPPKK bagi tujuan melaksanakan tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dalam meningkatkan tahap profesionalisme pensyarah.

2.0 OBJEKTIF PEMANTAUAN PdP

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan pemantauan ke atas proses PdP, iaitu:

01

Memastikan perancangan dan penyampaian kurikulum dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan.

02

Memantapkan amalan OBE dalam kalangan pensyarah serta pelajar atau peserta PSH.

03

Meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pensyarah.

04

Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif bagi keberkesanan PdP.

05

Melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dalam penyampaian PdP pensyarah.

3.0 SKOP PEMANTAUAN PdP

Garis panduan ini digunapakai oleh semua pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan PdP untuk program pengajian di politeknik dan kolej komuniti bagi mod pengajian sepenuh masa. Selain itu, garis panduan ini juga merangkumi pelaksanaan pemantauan PdP PSH di kolej komuniti, yang akan digunapakai oleh pensyarah PSH bagi program dan kursus anjuran Unit PSH. Maklum balas pelajar terhadap proses PdP tidak melibatkan pelajar yang menjalani latihan industri dan WBL (*Work-Based Learning*).

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab semua pegawai pengurusan akademik serta pensyarah yang terlibat disenaraikan di bawah ini bagi memudahkan pelaksanaan proses pemantauan PdP di institusi masing-masing.

4.1 Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah

1. Mengawal selia dan memastikan proses pemantauan PdP dilaksanakan sepenuhnya mengikut perancangan di politeknik atau kolej komuniti.
2. Mempengerusikan mesyuarat akademik dan membincangkan status pelaksanaan serta dapatan pemantauan PdP yang telah dilaksanakan.
3. Membentangkan Laporan Pemantauan PdP (Lampiran 3) dalam Mesyuarat Pengurusan atau Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

4.2 Ketua Jabatan/Ketua Jabatan Akademik/Ketua Program/ Ketua Kursus/Ketua Unit

1. Merancang dan melaksanakan proses pemantauan PdP di jabatan/program/unit masing-masing. (Rujuk Jadual Perancangan Pemantauan PdP di Lampiran 1).
2. Membincangkan status pelaksanaan dan dapatan pemantauan PdP yang telah dilaksanakan di dalam mesyuarat jabatan/unit.
3. Menyediakan pelan tindakan dan pemantauan bagi pelaksanaan CQI dalam penyampaian PdP.

4.3 Pegawai Pemantau (PP)

1. Melaksanakan pemantauan PdP mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
2. Membincangkan dapatan pemantauan PdP bersama PYP.
3. Melengkapkan Borang Pemantauan PdP Pensyarah/ Pensyarah PSH (Lampiran 2A) .

4.4 Pegawai Yang Dipantau (PYP)

1. Memahami proses pemantauan PdP dan bekerjasama dengan PP dalam pelaksanaan proses pemantauan PdP.
2. Mengambil tindakan yang sesuai terhadap cadangan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) yang disyorkan oleh PP.

4.5 Penyelaras Pemantauan PdP Jabatan (Politeknik sahaja)

1. Menyelaras dan memudahcara pelaksanaan pemantauan PdP di peringkat jabatan akademik.
2. Menyediakan pemetaan PP dan PYP bagi tahun semasa di peringkat jabatan akademik.

4.6 Penyelaras Pemantauan PdP Institusi

1. Menyelaras dan memudahcara pelaksanaan pemantauan PdP di jabatan akademik dan bukan akademik.
2. Mengadakan taklimat mengenai Garis Panduan Pemantauan PdP kepada semua pensyarah di institusi **sekurang-kurangnya sekali setahun** atau mengikut keperluan institusi.
3. Menyediakan pemetaan PP dan PYP bagi tahun semasa (Lampiran 1).
4. Menganalisis dokumen pemantauan PdP yang telah dilaksanakan oleh PP.
5. Menyediakan Laporan Pemantauan PdP institusi (Lampiran 3) dan menghantar Rumusan Laporan Pemantauan PdP Institusi (Lampiran 4) yang telah disahkan oleh TPA/TP ke BIPD, JPPKK.

5.0 KRITERIA PEGAWAI PEMANTAU

Pegawai Pemantau yang dilantik oleh institusi mestilah bersesuaian dan berkelayakan untuk melakukan pemantauan berdasarkan beberapa kriteria dan keperluan yang ditetapkan di institusi. Secara prinsipnya, PP boleh terdiri daripada:

- i. Pengarah (jika perlu)
- ii. TPA/TP
- iii. KJ/KJA/KPro/KK (Politeknik)
- iv. KPro/KU (Kolej Komuniti)
- v. PPPT institusi yang dilantik oleh TPA/TP/KJ/KJA
- vi. PPPT institusi lain yang dilantik oleh JPPKK (jika perlu)

Syarat kelayakan PP yang dilantik adalah seperti berikut:-

- a. Berdasarkan kapasiti jawatan semasa yang disandang; atau
- b. Gred semasa adalah lebih tinggi daripada pensyarah yang dipantau; atau
- c. Gred yang sama tetapi pegawai lebih lama (*senior*) daripada pensyarah yang dipantau;
- d. Memiliki pengalaman mengajar 10 tahun dan ke atas.

6.0 KRITERIA PEGAWAI YANG DIPANTAU

Pensyarah yang dipantau merujuk kepada semua PPPT yang terlibat dalam pelaksanaan PdP untuk program pengajian di politeknik dan kolej komuniti bagi mod pengajian sepenuh masa dan PSH.

7.0 KEPERLUAN UTAMA PEMANTAUAN PdP

Berikut adalah keperluan utama yang perlu diberi perhatian semasa proses pemantauan PdP pensyarah:

- 1 Pemantauan PdP melibatkan pencerapan oleh Pegawai Pemantau (PP) yang dilantik dan penilaian oleh pelajar atau peserta PSH terhadap proses PdP dalam kelas pensyarah yang dipantau.
- 2 Setiap pensyarah mestilah dipantau **sekurang-kurangnya sekali dalam setahun**.
- 3 Pemantauan PdP perlu dilaksanakan menggunakan Instrumen Pemantauan PdP yang telah disediakan.
- 4 Pemantauan PdP pensyarah perlu dilaksanakan **selewat-lewatnya pada minggu ke-10 kuliah**, atau pada **bulan Oktober bagi peserta PSH**, bagi memberi ruang untuk pemantauan PdP susulan (jika perlu).
- 5 Markah pemantauan PdP adalah berstatus **TERHAD** dan hanya boleh dimaklumkan kepada Pengarah, TPA/TP, PYP, PI, PJ, KJ/KJA/Kpro, serta digunakan untuk tujuan penambahbaikan PdP.
- 6 Penilaian pelajar/peserta PSH terhadap proses PdP mestilah melibatkan semua pelajar dalam kelas/peserta PSH yang berkenaan dan dilakukan pada akhir kursus tersebut.
- 7 Pemantauan PdP susulan perlu dilaksanakan sekiranya PYP memperoleh markah pemantauan PdP kurang daripada 80% daripada PP atau pelajar/peserta PSH, atau atas arahan pihak pengurusan institusi.
- 8 Pemantauan PdP susulan perlu dilaksanakan **selewat-lewatnya pada minggu ke-12 kuliah** dalam semester berkenaan.



9

Markah pemantauan PdP susulan adalah muktamad.

10

Pemantauan PdPDT (Pembelajaran dan Pengajaran dalam talian) boleh dilaksanakan mengikut keputusan pengurusan institusi yang memberi kebenaran untuk menggunakan kaedah PdP tersebut.

8.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PEMANTAUAN PdP

Terdapat tiga (3) fasa pelaksanaan pemantauan PdP bagi mencapai objektif pemantauan PdP di institusi, iaitu:

8.1 Fasa 1: Pra Pemantauan PdP

PROSES	TINDAKAN/MAKLUMAT	TANGGUNGJAWAB
1. Membuat pemetaan PP yang akan dilantik dan PYP	Mengisi Jadual Perancangan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (Lampiran 1).	KJ / KJA / Kpro / KK / KU / PI / PJ
2. Mengesahkan pemetaan PP dan PYP	Berdasarkan perkara 1 di atas.	TPA / TP
3. Mengadakan perbincangan berkaitan	Tarikh, masa, tempat dan kelas yang terlibat.	PP, PYP
4. Membuat semakan awal FRP pensyarah	<ul style="list-style-type: none">• Semakan FPK (jika perlu).• Proses ini juga boleh dilaksanakan semasa Fasa 3.	PP

8.2 Fasa 2: Semasa Pemantauan PdP

PROSES	TINDAKAN/MAKLUMAT	TANGGUNGJAWAB
1. Melaksanakan pemantauan PdP	Melaksanakan pemantauan PdP untuk semua domain penilaian.	PP
2. Mengisi markah pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	Mengisi markah di borang Pemantauan PdP Pensyarah/Pensyarah PSH Kolej Komuniti (Lampiran 2A) dalam borang, merujuk kepada Rubrik Pemantauan PdP Pensyarah/Pensyarah PSH Kolej Komuniti (Lampiran 2B).	PP
3. Memberi penerangan kepada pelajar	Memberikan penerangan kepada pelajar mengenai tujuan penilaian pemantauan PdP dilaksanakan.	PP
4. Mengedarkan borang penilaian	Mengedarkan Borang Penilaian Pemantauan PdP oleh Pelajar/Peserta PSH Kolej Komuniti (Lampiran 2C).	PP
5. Mengumpul borang penilaian	Mengumpul semula borang penilaian pemantauan PdP daripada pelajar/peserta PSH setelah tempoh penilaian selesai.	PP


8.3 Fasa 3 : Pasca Pemantauan PdP

PROSES	TINDAKAN/MAKLUMAT	TANGGUNGJAWAB
1. Mengira skor penilaian pelajar/peserta PSH	Mengira skor penilaian pelajar/peserta PSH berdasarkan proses pemantauan PdP yang dilaksanakan.	PP
2. Mengira purata peratus skor penilaian oleh pelajar/peserta PSH dan memasukkan data tersebut ke dalam Lampiran 2A	Pengiraan adalah: Purata peratus skor = $\Sigma(\text{peratus skor semua borang penilaian}) \div \text{Bilangan borang yang diisi.}$	PP
3. Memberikan maklum balas kepada PYP	Memberikan maklum balas mengenai hasil pemantauan PdP kepada PYP.	PP
4. Mengesahkan skor penilaian oleh PP	PYP mengesahkan skor penilaian pemantauan PdP oleh PP.	PYP
5. Menyerahkan borang penilaian kepada PI	Menyerahkan Borang Pemantauan PdP Pensyarah/PSH (Lampiran 2A) dan Borang Penilaian Pemantauan PdP oleh Pelajar/Peserta PSH Kolej Komuniti (Lampiran 2C) kepada PI.	PP
6. <u>Pemantauan PdP Susulan</u> a) Mengenalpasti PYP yang perlu pemantauan PdP susulan	Menyediakan jadual perancangan pemantauan PdP susulan.	KJ/KJA/ KPro/ KK/ KU/PI/PJ

PROSES	TINDAKAN/MAKLUMAT	TANGGUNGJAWAB
b) Memastikan pemantauan PdP susulan dilaksanakan.	Memastikan PP pemantauan PdP susulan dilaksanakan oleh individu yang berbeza daripada PP pertama. Pemantauan PdP susulan boleh dilaksanakan terhadap kursus dan kelas yang berbeza.	KJ/KJA/ KPro/ KK/ KU/PI/PJ
c) Mengumpul Lampiran 2A atau Lampiran 2C	Mengumpul Lampiran 2A atau Lampiran 2C daripada setiap PP yang telah dilantik selepas selesai proses pemantauan PdP susulan dilaksanakan.	PI/PJ
7. Menganalisis skor penilaian pemantauan PdP keseluruhan	Menganalisis skor penilaian pemantauan keseluruhan peringkat institusi meliputi maklum balas dan cadangan penambahbaikan.	PI
8. Menyediakan Laporan Pemantauan PdP	Menyediakan Laporan Pemantauan PdP Institusi (Lampiran 3).	KJ/KJA/ KPro/ KK/ KU/PI/PJ
9. Membincangkan hasil analisis laporan pemantauan PdP	Membincangkan hasil analisis laporan pemantauan PdP institusi di dalam Mesyuarat Akademik.	KJ/KJA/ KPro/ KK/ KU/PI/PJ
10. Membentangkan Laporan Pelaksanaan dan Dapatan Pemantauan PdP	Membentangkan Laporan Pelaksanaan dan Dapatan Pemantauan PdP di dalam Mesyuarat Pengurusan/Mesyuarat	TPA/TP

PROSES	TINDAKAN/MAKLUMAT	TANGGUNGJAWAB
	Kajian Semula Pengurusan untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.	
11. Menghantar Rumusan Laporan Pemantauan PdP Institusi	Menghantar Rumusan Laporan Pemantauan PdP Institusi (Lampiran 4) yang telah lengkap dan disahkan oleh TPA/TP ke BIPD, JPPKK bagi tujuan semakan/ tindakan susulan/ pembuktian pelaksanaan penyampaian PdP di institusi.	PI
12. Menganalisis Laporan Pemantauan PdP	Menganalisis Laporan Pemantauan PdP keseluruhan institusi dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Akademik / Mesyuarat Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti.	BIPD, JPPKK

9.0 CARTA ALIR PEMANTAUAN PdP



10.0 PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN

Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2025 berkuatkuasa mulai Sesi II 2024/2025. Manakala, Garis Panduan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2019 adalah **TERBATAL** dan tidak lagi digunakan.

11.0 RUJUKAN

- i. Garis Panduan Amalan Baik : Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (2014). Selangor : Agensi Kelayakan Malaysia.
- ii. Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Edisi Calon Versi 3 (Pindaan 1) (2022). Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- iii. Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2019 (2019): Putrajaya : Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- iv. Garis Panduan Penyediaan Dan Pengurusan Dokumen Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2025 (2024). Putrajaya : Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- v. Garis Panduan Penyediaan Dokumen Pembelajaran Dan Pengajaran Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti Versi 1 (2022). Putrajaya : Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

- vi. Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Edisi 2023 (2023). Putrajaya : Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- vii. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua (2017). Selangor : Agensi Kelayakan Malaysia.
- viii. Kod Amalan Akreditasi Program Edisi Pertama (2011). Selangor : Agensi Kelayakan Malaysia.
- ix. Arahan-arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

12.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Jadual Perancangan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

Jadual ini digunakan oleh KJ/KJA/KPro/KK/KU/PI/PJ sebagai perancangan memilih PP dan PYP yang akan terlibat dalam pemantauan PdP.

Lampiran 2A (i): Borang Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah

Borang ini digunakan oleh PP untuk memberikan markah penilaian dan maklum balas mengenai pemantauan PdP ke atas PYP.

Lampiran 2A (ii): Borang Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah PSH Kolej Komuniti

Borang ini digunakan oleh PP untuk memberikan markah penilaian dan maklum balas mengenai pemantauan PdP PSH Kolej Komuniti ke atas PYP.

Lampiran 2B (i): Rubrik Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah

Rubrik ini digunakan oleh PP sebagai panduan semasa pemarkahan pemantauan PdP ke atas PYP.

Lampiran 2B (ii): Rubrik Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pensyarah PSH Kolej Komuniti

Rubrik ini digunakan oleh PP sebagai panduan semasa pemarkahan pemantauan PdP PSH ke atas PYP.

Lampiran 2C (i): Borang Penilaian Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) oleh Pelajar

Borang ini digunakan oleh pelajar untuk memberikan markah penilaian dan maklum balas mengenai sesi PdP oleh PYP.

Lampiran 2C (ii): Borang Penilaian Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) oleh Peserta PSH Kolej Komuniti

Borang ini digunakan oleh peserta PSH kolej komuniti untuk memberi markah penilaian dan maklum balas mengenai sesi PdP oleh PYP.

Lampiran 3: Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Institusi

Format laporan ini digunakan oleh PI untuk merekodkan semua markah penilaian ke atas PYP.

Lampiran 4: Rumusan Laporan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Institusi

Format Rumusan Laporan Pemantauan PdP keseluruhan pensyarah di institusi berkenaan dan disediakan oleh PI .

Lampiran 5: Rancangan Mengajar Pemantauan

Format Rancangan Mengajar Pemantauan sebagai rujukan PYP. Disediakan oleh PYP semasa pemantauan PdP sahaja.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

JADUAL PERANCANGAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)

NAMA INSTITUSI :

JABATAN/UNIT :

PEGAWAI PEMANTAU									BUTIRAN PENSYARAH YANG DIPANTAU							CADANGAN MINGGU PELAKSANAAN	
BIL	NAMA PEGAWAI PEMANTAU	*JAWATAN	GRED					NAMA PENSYARAH	GRED								
			JUSA	DH14	DH13	DH12	DH10		DH9	DH14	DH13	DH12	DH10	DH9	DH6		DH5
1																	
2																	
3																	
4																	
5																	
6																	
7																	
8																	
9																	
10																	
JUMLAH			0	0	0	0	0	0	0	JUMLAH		0	0	0	0	0	0

Disediakan oleh (KJ/KJA/KPro/KU/KK/PI/PJ):

Disahkan oleh (TPA/TP):

.....
Nama :
Jawatan:
Tarikh :

.....
Nama :
Jawatan:
Tarikh :

Makluman :
Borang ini perlu dilengkapkan oleh KJ / KJA / Kpro / KU / KK / PI / PJ sebelum proses pemantauan dilaksanakan.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

BORANG PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PENSYARAH

NAMA PENSYARAH / GRED	PROGRAM / KELAS					
NO. KAD PENGENALAN	KOD & NAMA KURSUS					
JABATAN/ UNIT	TARIKH/ MASA/ TEMPAT					
SESI PENGAJIAN	KAEDAH PdP			TEORI / AMALI / PROJEK / KERJA LUAR		
PERKARA	SKOR					ULASAN (KEKUATAN / KELEMAHAN / CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / AMALAN BAIK YANG BOLEH DIKONGSI)
DOMAIN 1 : PERSEDIAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (15%)						
1. Fail Rekod Pensyarah (FRP)	1	2	3	4	5	
2. Rancangan Mengajar (RM)	1	2	3	4	5	
3. Rangka Kursus/Course Outline	1	2	3	4	5	
JUMLAH SKOR : (____) / 15 x 15%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 1 : _____						
DOMAIN 2 : PELAKSANAAN PdP (50%)						
1. Set induksi	1	2	3	4	5	
2. Pencapaian Hasil Pembelajaran (LO)	1	2	3	4	5	
3. Pengajaran secara interaktif	1	2	3	4	5	
4. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	1	2	3	4	5	
5. Penilaian formatif (Semasa sesi pemantauan PdP)	1	2	3	4	5	
6. Refleksi sesi PdP	1	2	3	4	5	
JUMLAH SKOR : (____) / 30 x 50%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 2 : _____						
DOMAIN 3 : KOMPETENSI & PROFESIONALISME PENSYARAH (15%)						
1. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan kursus	1	2	3	4	5	
2. Nilai-nilai profesionalisme	1	2	3	4	5	
3. Nilai- nilai murni dan etika	1	2	3	4	5	
JUMLAH SKOR : (____) / 15 x 15%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 3 : _____						
DOMAIN 4 : PENGURUSAN DAN KAWALAN PdP (10%)						
1. Kawalan PdP	1	2	3	4	5	
2. Pengurusan masa	1	2	3	4	5	
JUMLAH SKOR : (____) / 10 x 10%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 4 : _____						
DOMAIN 5 : PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM PENYAMPAIAN PdP (10%)						
1. Pemeraksanaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam PdP	1	2	3	4	5	
JUMLAH SKOR : (____) / 5 x 10%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 5 : _____						
PERATUS KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 5) : _____						Pensyarah yang dipantau : Nama : No. KP : Tarikh : Pegawai Pemantau : Nama : No. KP : Tarikh :
PERATUS KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 4) : (Tidak menggunakan Bahasa Inggeris)					(____) / 90 x 100%	
PERATUS SKOR PENILAIAN OLEH PELAJAR:						

Borang penilaian ini perlu dilengkapi oleh Pegawai Pemantau



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**BORANG PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PENSYARAH PSH
KOLEJ KOMUNITI**

NAMA PENSYARAH / GRED		BIDANG / KLUSTER PSH				
NO. KAD PENGENALAN		NAMA KURSUS				
JABATAN/ UNIT		TARIKH/ MASA/ TEMPAT				
SESI PENGAJIAN		KAEDAH PdP PSH				
PERKARA		SKOR		ULASAN (KEKUATAN / KELEMAHAN / CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / AMALAN BAIK YANG BOLEH DIKONGSI)		
DOMAIN 1 : PERSEDIAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (15%)						
1. Fail Rekod Pensyarah PSH (FRP PSH)	1	2	3		4	5
2. Rancangan Mengajar (RM)	1	2	3		4	5
3. Silibus Kursus/Modul	1	2	3		4	5
JUMLAH SKOR : (_____) / 15 x 15%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 1 : _____						
DOMAIN 2 : PELAKSANAAN PdP (50%)						
1. Set induksi	1	2	3		4	5
2. Pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus/Modul	1	2	3		4	5
3. Pengajaran secara interaktif	1	2	3		4	5
4. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	1	2	3		4	5
5. Penilaian formatif (Semasa sesi pemantauan PdP)	1	2	3		4	5
6. Refleksi sesi PdP	1	2	3		4	5
JUMLAH SKOR : (_____) / 30 x 50%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 2 : _____						
DOMAIN 3 : KOMPETENSI & PROFESIONALISME PENSYARAH (15%)						
1. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan kursus/Modul	1	2	3		4	5
2. Nilai-nilai profesionalisme	1	2	3		4	5
3. Nilai- nilai murni dan etika	1	2	3		4	5
JUMLAH SKOR : (_____) / 15 x 15%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 3 : _____						
DOMAIN 4 : PENGURUSAN DAN KAWALAN PdP (10%)						
1. Kawalan PdP PSH	1	2	3		4	5
2. Pengurusan masa	1	2	3		4	5
JUMLAH SKOR : (_____) / 10 x 10%						
JUMLAH PERATUS DOMAIN 4 : _____						
PERATUS KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 4) :		(_____) / 90 x 100%		Pensyarah yang dipantau :		
					
PERATUS SKOR PENILAIAN OLEH PESERTA:			Nama :		
				No. KP :		
				Tarikh :		
				Pegawai Pemantau :		
					
				Nama :		
				No. KP :		
				Tarikh :		

Borang penilaian ini perlu dilengkapi oleh Pegawai Pemantau

RUBRIK PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PENSYARAH

DOMAIN 1 : PERSEDIAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (15%)							
Pensyarah perlu merancang dan menyediakan dokumen PdP							
Bil	Item	1	2	3	4	5	Skor
1	Fail Rekod Pensyarah (FRP)	FRP disediakan dengan satu elemen dikemas kini.	FRP disediakan dengan dua elemen dikemas kini.	FRP disediakan dengan tiga elemen dikemas kini.	FRP disediakan dengan empat elemen dikemas kini.	FRP disediakan dengan memenuhi semua elemen.	
		Elemen: <ol style="list-style-type: none"> 1. Tarikh pelaksanaan 2. Catatan refleksi PdP terdahulu 3. Catatan cadangan CQI 4. Rekod kehadiran 5. Kemas kini pentaksiran berterusan 					
